

## Hubungan Di Antara Stres Kerja Dengan Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru-Guru Besar Di Daerah Batu Pahat

Azlina Bt. Mohd. Kosnin & Rohana Binti Ahmad  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak** : Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap stres , tahap kepuasan kerja dan hubungan stres dengan kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru besar di Daerah Batu Pahat. Ia juga bertujuan untuk melihat perbezaan tahap stres dan kepuasan kerja berdasarkan faktor-faktor demografi iaitu jantina, pengalaman menjadi guru besar dan jenis sekolah. Tahap stres juga dilihat dari tiga aspek iaitu simptom fizikal, psikologikal dan tingkahlaku. Bagi kepuasan kerja ia dilihat dari aspek-aspek pencapaian, pengiktirafan, kenaikan pangkat, pekerjaan, hubungan interpersonal, gaji, penyeliaan dan suasana tempat kerja. Kajian ini melibatkan seramai 108 orang guru besar dari sekolah-sekolah rendah di Daerah Batu Pahat, Johor. Data-data diperoleh dengan menggunakan kaedah soal selidik dan diproses menggunakan kaedah "*Statistical Package For The Social Science (SPSS)*" versi 12.0. Dapatan kajian menunjukkan tahap stres yang dialami oleh guru-guru besar di Daerah Batu Pahat pada keseluruhannya berada pada tahap rendah dan bagi tahap kepuasan kerja, ia berada pada tahap sederhana. Daripada tiga aspek stres yang dikaji, hanya stres daripada aspek simptom fizikal menunjukkan tahap sederhana manakala bagi aspek simptom psikologikal dan tingkahlaku menunjukkan tahap rendah. Bagi aspek-aspek kepuasan kerja, semua aspek menunjukkan tahap sederhana. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan pada tahap rendah dan songsang di antara stress dengan kepuasan kerja ( $r=-0.31$ ). Bagi faktor-faktor demografi, hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap stres dan tahap kepuasan kerja terhadap semua faktor yang dikaji. Hasil kajian ini diharap dapat memberi sedikit panduan dan perbandingan bagi kajian-kajian seterusnya .Beberapa cadangan untuk kajian selanjutnya juga disarankan.

**Katakunci** : stres kerja, kepuasan kerja, guru besar

### Pengenalan

Sekolah merupakan sebuah institusi atau organisasi yang dipimpin oleh guru besar atau pengetua. Bagi sekolah rendah pemimpinnya digelar sebagai guru besar. Guru besar memainkan peranan penting bagi memastikan segala agenda wawasan pendidikan dapat di laksanakan dan mencapai kejayaan. Mereka perlu arif tentang perubahan dan sentiasa turun padang untuk membantu guru-guru menjayakan agenda perubahan di sekolah. Ini bermakna guru besar perlu berwawasan bagi membolehkannya berperanan sebagai pendorong dan perancangan perubahan serta membentuk budaya sekolah. Guru besar merupakan orang yang penting dalam usaha membentuk dan mewujudkan suasana oraganisasi sekolah bagi mencapai kejayaan. Mereka perlu mengutamakan matlamat sekolah dengan memberi nilai yang paling tinggi dan dijadikan nadi dalam pengurusan sekolah. Matlamat ini perlu dijelaskan kepada semua guru, pelajar dan ibu bapa.

Jika kita teliti kata-kata di atas, terbukti bahawa guru besar adalah orang yang sangat penting. Mereka berhadapan dengan pelbagai tugas yang memaksa mereka untuk menjadi seorang yang kuat dari segi fizikal dan emosi. Mengikut Sapora (2006), stres kerja adalah satu halangan kepada produktiviti kerja yang baik. Sekiranya guru besar stres, lemah dan tidak bersemangat maka mereka tidak dapat membawa kejayaan kepada sekolah yang dipimpin. Mereka juga perlu memiliki kepuasan kerja yang tinggi kerana mereka yang mempunyai

kepuasan kerja yang tinggi akan dapat memberikan sepenuh komitmen terhadap tugas. Oleh itu guru besar perlu mempunyai maklumat mengenai stres dan kepuasan kerja. Mengikut John (2002), bagi kebanyakan orang, stres menyebabkan perubahan psikologi dan tingkah laku. Kita mungkin tahu kita stres tetapi terkeliru dengan simptom-simptom atau pun tidak sedar betapa stresnya kita. Stres mempengaruhi tubuh badan, pemikiran, emosi dan bagaimana kita berinteraksi dengan orang lain.

Mengikut Sapora (2006), individu memberi reaksi yang berbeza-beza walaupun mempunyai *stressor* yang sama. Sesetengah orang memerlukan stres pada tahap tertentu bagi membolehkan mereka menyempurnakan tugas dengan baik (stress positif). Walaubagaimanapun faedah ini akan bertukar kepada negatif jika beban kerja berlebihan, berlaku konflik dan rasa tidak selamat di tempat kerja akibat dari perubahan dalam organisasi. Apa yang penting ialah semua organisasi termasuklah pendidikan tidak dapat mengeneppikan bukti-bukti ini malah perlu mengadakan kajian agar stres negatif dapat dikawal dikalangan ahli-ahli organisasi termasuklah guru besar sendiri.

### **Pernyataan Masalah**

Bidang pendidikan merupakan bidang yang sentiasa dinamik dan menghadapi pelbagai cabaran dan isu dari masa ke semasa. Guru besar tidak terkecuali dalam hal ini kerana mereka merupakan tonggak kepada sesebuah sekolah. Oleh itu pengkaji merasa terpanggil untuk mengkaji stres dan kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru besar di daerah Batu Pahat sepanjang mereka menjalankan tugas. Kajian ini juga meliputi perbezaan tahap stres dan tahap kepuasan kerja berdasarkan faktor demografi iaitu jantina, pengalaman menjadi guru besar dan gred sekolah. Selain daripada itu, ia juga bertujuan bagi mengenalpasti samada terdapat hubungan yang signifikan di antara stres dengan kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru besar tersebut.

### **Objektif**

Objektif bagi kajian ini adalah seperti berikut:

1. Untuk mengenalpasti tahap stres dalam kalangan guru-guru besar di Daerah Batu Pahat.
2. Untuk mengenalpasti perbezaan tahap stres dalam kalangan guru-guru besar di Daerah Batu Pahat dari segi demografi ( jantina, pengalaman menjadi guru besar dan jenis sekolah )
3. Untuk mengenalpasti tahap kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru besar di Daerah Batu Pahat.
4. Untuk mengenalpasti perbezaan tahap kepuasan kerja dalam kalangan guruguru besar di Daerah Batu Pahat dari segi demografi ( jantina, pengalaman menjadi guru besar dan jenis sekolah )
5. Untuk mengenalpasti hubungan di antara stres dengan kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru besar di Daerah Batu Pahat.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian stres dan kepuasan kerja telah banyak dijalankan terhadap guru-guru dari pelbagai peringkat namun agak sukar didapati kajian seumpama ini dijalankan terhadap guru-guru besar. Mengikut Chew (1977), pengetua dan pentadbir janganlah membebankan dan menekan guru sehingga mereka tidak dapat memikul dan menjalankan tugas tersebut. Ini bermakna guru besar selalunya dianggap sebagai penyebab stres kepada guru-guru oleh itu tidak ada orang yang berminat untuk mengkaji samada mereka sendiri mengalami stres dan kepuasan kerja atautidak.

Oleh itu kajian ini dijalankan bagi mengkaji stres dan kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru besar di Daerah Batu Pahat. Adalah diharapkan hasil kajian ini dapat memberi faedah kepada pihak-pihak yang memerlukannya. Di antara kepentingan kajian ini ialah:

- a) Dapat memberi maklumat dan pengetahuan yang lebih jelas berkaitan stress dan kepuasan kerja kepada guru-guru besar . Maklumat ini diharap dapat membantu mereka mengenalpasti simptom-simptom yang boleh menyebabkan stress dan cuba mengatasinya demi kebaikan diri dan sekolah.
- b) Dapat memberi maklumat dan pengetahuan kepada guru-guru dan staf sokongan di sekolah-sekolah. Melalui maklumat ini mereka dapat memikirkan strategi untuk saling bekerjasama supaya pihak pentadbir dan mereka tidak stress serta menikmati kepuasan bekerja.
- c) Dapat membantu pihak Kementerian Pelajaran, Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah dalam aspek-aspek berikut:
  - i. Membuat perancangan dalam agihan tugas supaya sesuai dengan keupayaan sesebuah sekolah , tidak terlalu banyak dalam sesuatu had masa yang pendek dan memberi bantuan serta penjelasan secara sistematik tentang tugas-tugas yang perlu dilaksanakan oleh guru-guru besar.
  - ii. Mengadakan kursus-kursus profesionalisme yang lebih berkesan bagi meningkatkan kemahiran guru besar dari masa ke semasa. Kursus pengurusan stress juga perlu diadakan bagi membantu guru besar mendapat maklumat mengenai stress dan membantu mereka mengatasinya.
  - iii. Mengambil kira pandangan guru-guru besar dalam pelaksanaan sesuatu dasar atau polisi baru pendidikan supaya ia dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan di sekolah.
  - iv. Memastikan stail kepimpinan pihak atasan tidak memberi tekanan kepada guru besar apabila ada perubahan pucuk kepimpinan kerana stail kepimpinan mereka yang berbeza-beza.
  - v. Memberi pengiktirafan yang sesuai kepada guru-guru besar bagi meningkatkan kepuasan kerja.

### **Rekabentuk Kajian**

Kajian dijalankan untuk melihat tahap stres dan kepuasan kerja serta hubungan di antara stres dan kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru besar di sekolah-sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah jenis kebangsaan Tamil di Daerah Batu Pahat, Johor. Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif di mana kajian dibuat untuk mengumpulkan maklumat-maklumat mengenai stres dan kepuasan kerja.

Satu set soalselidik telah disediakan oleh penyelidik berdasarkan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang terdapat di dalam model-model stres dan kepuasan kerja yang disorot. Soal selidik ini adalah bagi mengumpul maklumat dan data-data yang berkaitan dengan pemboleh ubah yang telah ditentukan. Borang soal selidik di agihkan kepada responden melalui *pigeon hole* sekolah-sekolah yang terlibat yang terletak di Pejabat Pelajaran Daerah Batu Pahat dan akan dipungut melalui kaedah yang sama. Segala pengukuran terhadap pemboleh ubah adalah dibuat berdasarkan kepada jawapan soalselidik dan dianalisis menggunakan SPSS Versi 12.0. Maklumat-maklumat juga diperolehi berdasarkan rujukan dokumen, artikel-artikel, jurnal dan projek-projek terdahulu.

### Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian adalah dalam kalangan guru-guru besar di Daerah Batu Pahat, Johor iaitu seramai 144 orang . Sampel kajian pula dipilih mengikut jadual penentu saiz sampel berdasarkan Krejcie dan Morgan (1970), dalam (Azizi *et.al.*, 2007) . Mengikut jadual ini, daripada sejumlah 144 orang guru besar, hanya 108 orang guru besar di pilih sebagai sampel. 108 orang guru besar ini dipilih secara rawak berdasarkan nama sekolah yang terpilih setelah dicabut daripada 144 nama sekolah yang telah disenaraikan.

### Instrumen Kajian

Instrumen yang diguna dalam kajian ini adalah soalselidik. Soalselidik yang dikemukakan kepada responden terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian A dan B. Soalan-soalan dalam bahagian A berbentuk maklumat peribadi dan ciri-ciri demografi responden iaitu bangsa, jantina, umur, pengalaman, taraf perkahwinan, taraf pendidikan, jenis sekolah, kelulusan akademik dan gred jawatan.

Bahagian B pula mengandungi 55 item yang berkaitan dengan stres dan kepuasan kerja. Soalan 1- 15 adalah berkaitan dengan simtom-simtom stres kerja dan soalan 16-55 pula berkaitan dengan aspek kepuasan kerja sebagaimana jadual 1 di bawah.

**Jadual 1 : Jumlah item dalam soal selidik**

Aspek	Jumlah Item
Stres	15 item
Kepuasan Kerja	40 item
Jumlah	55 item

Item-item berkaitan stres telah dibina berdasarkan daripada "*Stress Symptom Checklist* " oleh Christine *et. al.* ( 1995), dan juga model stres dalam rajah 2.2. yang telah disorot oleh pengkaji. Bagi mengkaji stres, simtom-simtom stres telah dikategorikan kepada tiga kumpulan iaitu simtom fizikal, psikologi dan tingkah laku. Setiap pembolehubah mengandungi 5 soalan seperti jadual 2 berikut:

**Jadual 2 : Senarai item dalam aspek-aspek stress**

Bilangan	Pembolehubah Stres	Nombor Item
1.	Simtom fizikal	1, 4, 6, 8, 15
2.	Simtom Psikologi	2, 5, 9, 11, 13
3.	Simtom Tingkahlaku	3, 7, 10, 12, 14
	Jumlah	15 item

Lapan pembolehubah iaitu pencapaian, pengiktirafan, kenaikan pangkat, pekerjaan, hubungan interpersonal, gaji, penyeliaan, dan suasana tempat kerja telah dipilih untuk mengkaji tahap kepuasan kerja dan 45 soalan telah dibina berdasarkan Teori dua Faktor Herzberg, iaitu

"*motivator*" dan "*hygiene*". Soalan-soalan mengikut pembolehubah-pembolehubah tersebut adalah seperti yang ditunjukkan oleh jadual 3 di bawah:

**Jadual 3 : Senarai item aspek-aspek kepuasan kerja**

Bilangan	Pembolehubah Kepuasan Kerja	Jumlah Item
1.	Pencapaian	19, 22, 26, 27, 32
2.	Pengiktirafan	23, 28, 33, 34, 38
3.	Kenaikan pangkat	20, 24, 29, 30, 35
4.	Pekerjaan	21, 25, 31, 36, 37
5.	Hubungan interpersonal	16, 39, 43, 49, 51
6.	Gaji	18, 40, 44, 48, 52
7.	Penyeliaan	17, 41, 45, 47, 53
8.	Suasana tempat kerja	42, 46, 50, 54, 55
	Jumlah	40 item

### **Kajian Rintis**

Kajian rintis dijalankan bertujuan untuk menguji kebolehpercayaan instrument yang telah dibina dan memastikan soalan yang terdapat di dalam soal selidik sesuai dengan situasi responden dan difahami oleh mereka. Menurut Mohd. Salleh dan Zaidatun (2001), kebolehpercayaan merupakan ukuran keupayaan sesuatu instrument penyelidikan dalam mengukur permasalahan (pembolehubah) kajian secara konsisten setiap kali digunakan pada masa, tempat dan sampel yang berlainan. Nilai maksimum bagi pengkali kebolehpercayaan ialah 1. Sekiranya nilai pengkali tersebut kurang dari 0.6, maka instrumen itu dianggap mempunyai nilai kebolehpercayaan yang rendah.

Untuk memastikan kebolehpercayaan soal selidik yang dibina menepati piawai, penyelidik telah menjalankan kajian rintis ke atas 15 orang guru besar yang sedang mengikuti Kursus Pensiswazahan guru besar, tidak termasuk guru besar daripada daerah Batu Pahat.

Hasil daripada analisis tersebut menunjukkan nilai pengkali kebolehpercayaan Alpha Cronbach yang didapati adalah tinggi iaitu 0.89 bagi stres dan 0.86 bagi kepuasan kerja. Oleh itu pengkaji mendapati bahawa soal selidik yang dibina adalah sesuai untuk diedarkan bagi melaksanakan kajian sebenar.

### **Analisis Data**

Hipotesis nol pertama : Tidak terdapat perbezaan tahap stres yang signifikan dalam kalangan guru-guru besar di Daerah Batu Pahat mengikut aspek jantung.

Jadual 4 di atas menunjukkan nilai min bagi tahap stres responden lelaki ialah 22.35 dan perempuan 23.40. Ini menunjukkan bahawa nilai min bagi responden perempuan adalah lebih tinggi daripada lelaki tetapi perbezaannya adalah kecil dan tidak signifikan. Nilai t ialah -0.81 dan nilai p ialah 0.22 . Oleh kerana nilai p adalah lebih besar daripada aras signifikan 0.05, maka

hipotesis nol diterima. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan tahap stres di antara guru besar lelaki dan perempuan di Daerah Batu Pahat.

**Jadual 4 : Keputusan Ujian-t bagi tahap stres mengikut aspek jantina**

Pemboleh Ubah	Min	Nilai t	Signifikan (p)
Lelaki ( 71 orang / 65.7%)	22.35	-0.81	0.21
Perempuan (37 orang /34.3%)	23.40		

Hipotesis nol kedua : Tidak terdapat perbezaan tahap stres yang signifikan dalam kalangan guru-guru besar di Daerah Batu Pahat mengikut aspek pengalaman menjadi guru besar.

**Jadual 5 : Keputusan Ujian ANOVA bagi tahap stres mengikut aspek pengalaman menjadi guru besar**

Pemboleh Ubah	Min	Nilai F	Signifikan (p)
1-5 tahun (40 orang / 37.0%)	22.62	1.54	0.22
6-10 tahun (24 orang /22.2%)	22.29		
10 tahun ke atas (44 orang / 40.7%)	23.02		

Berdasarkan jadual 5 di atas, analisis Ujian ANOVA mendapati nilai min bagi guru besar yang telah berpengalaman menjadi guru besar selama 1-5 tahun ialah 22.62, 6-10 tahun ialah 22.29 dan 10 tahun ke atas ialah 23.02. Ini menunjukkan bahawa min bagi guru besar yang telah berpengalaman 10 tahun ke atas adalah paling tinggi diikuti oleh 1-5 tahun dan seterusnya 6-10 tahun. Perbezaan nilai min adalah kecil dan tidak signifikan. Nilai F ialah 1.54 dan nilai p ialah 0.22. Aras ini adalah lebih besar dari aras signifikan 0.05, maka hipotesis nol diterima. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan tahap stres dalam kalangan guru-guru besar di Daerah Batu Pahat mengikut aspek pengalaman menjadi guru besar.

Hipotesis nol ketiga: Tidak terdapat perbezaan tahap stres yang signifikan dalam kalangan guru-guru besar di Daerah Batu Pahat mengikut aspek jenis sekolah.

**Jadual 6 : Keputusan Ujian ANOVA bagi tahap stres mengikut aspek jenis sekolah**

Pemboleh Ubah	Nilai Min	Nilai F	Signifikan
Gred A (58 orang / 53.7%)	23.20	0.11	0.90
Gred B ( 22 orang / 20.4%)	23.71		
Kurang Murid (28 orang / 25.9%)	20.90		

Berdasarkan jadual 4.13 di atas, analisis Ujian ANOVA mendapati nilai min bagi sekolah Gred A ialah 23.20, Gred B ialah 23.71 dan sekolah kurang murid ialah 20.90. Ini menunjukkan min bagi guru besar sekolah gred B adalah paling tinggi diikuti oleh sekolah gred A dan sekolah

kurang murid. Terdapat perbezaan nilai min tetapi perbezaannya kecil dan tidak signifikan. Nilai F ialah 1.11 dan nilai p ialah 0.90. Nilai p ini adalah lebih besar dari aras 0.05 maka hipotesis nol diterima. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan tahap stres dalam kalangan guru-guru besar di Daerah Batu Pahat mengikut faktor jenis sekolah.

### **Perbincangan**

Keputusan kajian mendapati bahawa pada umumnya guru-guru besar di Daerah Batu Pahat mengalami stres kerja yang rendah. Dapatan ini menyokong kajian yang dibuat oleh Apandi (2003), di mana beliau mendapati bahawa lebih 50 peratus guruguru sekolah menengah yang dikaji menunjukkan stres kerja yang rendah dan juga disokong oleh Nurul Azlin (2003), yang mendapati tahap stres guru yang dikaji berada pada tahap rendah. Hasil kajian Yee Chiam (2005), juga menyokong dapatan ini di mana beliau mendapati bahawa guru-guru teknikal di sebuah Sekolah Menengah teknik di Kedah menunjukkan tahap stres kerja yang rendah. Ini dapat memberi gambaran bahawa pada keseluruhannya, guru-guru besar dapat mengawal diri mereka agar tidak mengalami tahap stres yang tinggi.

Ada beberapa kemungkinan yang boleh memberikan penjelasan tentang tahap stres yang rendah dalam kalangan guru-guru besar. Salah satu daripadanya ialah seperti hasil kajian Savery dan Detiuk (1986), terhadap pengetua di barat Australia. Beliau mendapati bahawa ada dikalangan pengetua yang tidak sedar tentang stres yang mereka alami dan menunjukkan tahap stres yang rendah apabila dikaji.

Pengkaji telah mendapati bahawa tahap kepuasan kerja guru-guru besar di Daerah Batu Pahat pada keseluruhannya adalah berada pada tahap sederhana. Dapatan ini menyokong kajian oleh Zulkifli (2003), yang mendapati 61.3 peratus daripada 140 orang guru-guru sekolah rendah Zon Majidi Johor Bahru mengalami kepuasan kerja tahap sederhana. Alexander (2004), melalui kajiannya mendapati 60.7 peratus guruguru Sekolah Menengah Tun Fatimah mendapat kepuasan kerja tahap sederhana manakala kajian Suba Subramaniam (2003), pula mendapati 98.9 peratus guru di SMK Skudai, Johor mengalami kepuasan kerja tahap sederhana. Dapatan kajian ini juga selaras dengan dapatan kajian Tan (2006), ke atas guru-guru di enam buah sekolah menengah di Zon Skudai, iaitu 71.8 peratus daripada mereka berada pada tahap kepuasan kerja sederhana.

Bagi aspek pencapaian, hasil kajian ini menunjukkan tahap sederhana. Guruguru besar di Daerah Batu Pahat didapati hanya berpuashati pada tahap yang sederhana bagi item-item seperti pencapaian sekolah dalam semua aspek, pencapaian dalam keputusan peperiksaan dan kokurikulum serta mutu kerja mereka. Dapatan ini bertentangan dengan hasil kajian Shafie, *et al.* (2002). Beliau mendapati tahap kepuasan kerja aspek pencapaian bagi guru-guru sekolah rendah dan menengah di Daerah Batu Pahat berada pada tahap yang tinggi.

Dapatan kajian bagi aspek kenaikan pangkat menunjukkan tahap sederhana dan dapatan ini menyokong kajian oleh Zulkifli (2003), ke atas guru-guru sekolah kebangsaan Zon Majidi, Johor Bahru dan kajian Tan (2006), ke atas enam buah sekolah menengah di Zon Skudai. Walaubagaimanapun, dapatan ini bertentangan dengan dapatan Shafie, *et al.* (2002), yang mendapati majoriti responden berada pada tahap kepuasan tinggi bagi aspek kenaikan pangkat.

Kajian mengenai hubungan interpersonal menunjukkan tahap sederhana dan ia menyokong dapatan kajian luar negara oleh Graham dan Mesner (1998), yang telah mengkaji pengetua sekolah rendah dan menengah dibahagian tengahbarat Amerika. Walaubagaimanapun, ia bertentangan dengan dapatan kajian Shafie, *et al.* (2002). Beliau mendapati guru-guru-guru sekolah rendah dan menengah di Daerah Batu Pahat mengalami kepuasan kerja tahap tinggi bagi aspek ini.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa hipotesis ini diterima atau hipotesis nol tidak dapat ditolak. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan tahap stres di antara guru besar lelaki dan perempuan. Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian yang dibuat oleh kajian Nurul Azlin (2003), terhadap guru-guru sekolah rendah daerah Pendang, Kedah dan dapatan kajian Maheran (2005), dalam kalangan guru-guru sekolah menengah Daerah Tangkak. Ini mungkin berlaku kerana beban kerja yang diterima oleh guru besar lelaki dan perempuan adalah sama.

## Rujukan

- Atan Long (2005). "20 Cara Pengetua Menghilangkan Tekanan." *Majalah Pendidik*. 13. 40-42.
- Azizi (2007). "*Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*". Kuala Lumpur. PTS Professional
- Bahtiar Sukkor (2007). "Teori Kepimpinan dan Aplikasi Penyelesaian Krisis." *Bestari JPNJ*. 10. 1-16.
- Borg, G.M. dan Riding, J. R. (1993). "Occupational and Job Satisfaction Among School Administrators." *Journal of Educational Administration*. 3. 1-2.
- Christine, A. Leatz and Stolar, M. W. (1995). "*Career Success/ Personal Stress*". US: Mc. Graw Hill. 9-11.
- Droussiotis, A. dan Austin, J. (2007). "Job Satisfaction of Managers in Cyprus." *EuroMed Journal of Business*. 2. 208-222
- Forsyth, P. (2000). "*How to Motivate People*." London: Kogan Page Limited. Graham, M. W. dan Messner, P. E. (1998). "Principals and Job Satisfaction." *International Journal of Educational Management*. 12. 196-202
- Gurnam Kaur Sidhu (2005). "*Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)-Kompetensi Umum (Teras dan Profesional)*." Shah Alam: Fajar Bakti.
- Ibrahim Ahmad (2005). "Cabaran Melahirkan Guru Berkualiti." *Bestari JPNJ*. 9. 74-85
- John, B. A. (2002). "*Surviving Job Stress*." New Jersey: Career Press.
- Kamus Dewan (2000). Edisi ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lam, J. Y. L. (1988). "External Environmental Constraints and Job-Related Stress on School Administrators." *Journal of Educational Administration*. 26. 250-265.
- Locke, F.E.(1976). "The Nature and Causes of Job Satisfaction among Solid Waste Manager Employee". *Journal of Applied Psychology*. 59. 145-156.
- Lim Yee Chiam (2005). "*Hubungan di antara Stres Kerja dengan Kepuasan Kerja di kalangan Guru-guru Teknikal di SMT, Kedah*." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Maheran/ Malek Ahmad Johari (2005). "*Stres dan Kepuasan Kerja Di kalangan Guru Di Sekolah Menengah Daerah Tangkak, Johor*." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana
- Pavani Subramaniam (2004). "*Kajian Terhadap Tekanan yang Dialami Oleh Guruguru Sekolah Menengah Sultan Ismail, Johor Bahru*." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Rusmini Ku Ahmad (2007). "Kerangka Komprehensif untuk Penambahbaikan Sekolah Berkesan." *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*. 17. 17-31.
- Savery, L.K. dan Detiuk M. (1986). "The Perceived Stress Level of Primary and Secondary Principals." *Journal of Educational Administration*. 24. 272-281.
- Shafie Md. Shariff (2002). "*Kepuasan Kerja Di kalangan Guru-guru Sekolah Daerah Batu Pahat*." *Pejabat Pelajaran Daerah Batu Pahat*. Tidak diterbitkan.
- Tan Swee Lee (2006). "*Pengaruh Personaliti Ke atas Kepuasan Kerja dan Stres Kerja Guru*." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.